

12 NOV 1996

EKSPORT MARIN NZ KE MALAYSIA AKAN MENINGKAT 30 PERATUS TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Eksport marin New Zealand ke Malaysia dijangka meningkat di antara 25 dan 30 peratus menjelang akhir tahun 1997 daripada anggaran RM60 juta tahun ini, pesuruhjaya perdagangan New Zealand ke Malaysia Barbara Kohler berkata hari ini.

Eksport itu termasuk bot, alat-alat aksesori dan pemasangan semula, katanya kepada pemberita selepas Marine Export Group of New Zealand (Marex) mengadakan taklimat di sini.

Eksport marin New Zealand di seluruh dunia berjumlah RM258 juta.

Kohler berkata industri marin Malaysia sedang meningkat memandangkan pantainya yang panjang yang menawarkan perairan pelayaran yang ideal.

Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin di dalam industri marin di rantau ini dengan menawarkan pelbagai produk marin dan terus mendahului pesaing-pesaingnya, tambah beliau.

Taklimat hari ini diberikan oleh lapan buah syarikat berasaskan marin dari New Zealand yang mencari kerjasama dengan firma-firma Malaysia berikutan kejayaan beberapa rakan sejawat mereka yang telah melawat Malaysia sebelum ini.

Tiga Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani untuk pembekalan kapal kepada Malaysia semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke New Zealand Mac lalu, kata Kohler.

Misi sekarang, yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Perdagangan New dijadual melawat Pulau Pinang, Sabah and Sarawak. -- BERNAMA

ZMY OS/sia